



BIOGRAFI DATO' SERI UTAMA TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS

'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN

**BIOGRAFI
DATO'
SERI UTAMA
TAN SRI
ABDUL SAMAD
IDRIS**

**'ANGRY YOUNG MAN'
DARI NEGERI SEMBILAN**

DHARMALA N.S

© Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, atau pun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman atau pun sebaliknya, dengan tidak mendapat keizinan terlebih dahulu daripada penulisnya.

Cetakan pertama 2003
ISBN 983-2366-16-X

@ Dharmala N S

Diterbitkan oleh:

Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan
Taman Seni Budaya
Jalan Sungai Ujong
70200 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
&
Kerajaan Negeri Sembilan

Dicetak oleh:
Percetakan Malindo Sdn Bhd
Lot 3, Jalan Ragum 15/17
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Panel Penerbitan
Jawatankuasa Penyelidikan Budaya
Muzium Negeri Sembilan Darul Khusus

Penasihat

TAN SRI ABDUL SAMAD IDRIS

Pengerusi Panel

DATO' DR RAMLI UJANG

Ketua Editor

DHARMALA N S

Anggota Redaksi

DATO' HAJI SUDIN KAMARI

DATO' PROF SHAMSUL AMRI BAHARUDDIN

DATO' PROF ABDUL SAMAD HADI

DATO' SERI MAHARAJA KHALID BONGET

DATO' SENARA MUDA PILUS MAARIS

HAJI MUHAMMAD YASSIN

HAJI IBRAHIM ABDUL RAHMAN

DATO' LAKSAMANA HAJI ISMAIL ABDUL KADIR

DRS SHAMSUDDIN AHMAD

MD DARUS HAJI ABDUL MANAF

Daftar Isi



Bab 1	BERGURU KEPALANG AJAR	1
	- Anak Muda Julung Bertaji	
	- Tamu Di Seri Menanti	
	- Memecah Tradisi Adat	
Bab 2	ORANG TUA MENAHAN RAGAM	16
	- Apabila Mufti Tersinggung	
	- Wakil Ke Kuala Kangsar	
	- Tidur Di Atas Kerusi Sekolah	
Bab 3	GELOMBANG PERUBAHAN	31
	- Memikul Bateri Di Permatang	
	- Di Sebalik Kisah 'Juita'	
	- Kisah Seorang 'Kaki Bola'	
Bab 4	KE GUNUNG SAMA DIDAKI	45
	- Melukut Di Tepi Gantang	
	- Menunggu Kunjungan Tunku	
	- Kisah Dengan Dr Ismail	
	- Bahaman Shamsuddin Ke Teluk Anson	
Bab 5	KERUSI MENTERI BESAR	60
	- Genggam Bara Api	
	- Tunku Besar Ingatkan Khatib Hussein	
	- Menjalin Hubungan Ke Sumatera	

Bab 6	TUGAS SENDIRI DIKELEK	76
	- Misi Sulit Ke Sarawak - Selepas Konfrantasi Sukarno - Mencari Tanah Leluhur - Minangkabau Terkenang Jua	
Bab 7	LURUS TALI LURUS SUMPITAN	92
	- Berbalah Dengan Sardon Jubir - Timbalan Menteri Besar - Pindah Ke Kerusi Parlimen	
Bab 8	MENGHADAPI SENARIO PERUBAHAN	108
	- Calon Ketua Pemuda - Akhbar Suara Rakyat - Timbalan Menteri Dalam Negeri	
Bab 9	JALAN SERIBU LIKU	124
	- Pak Lang Dari Negeri Sembilan - Pertubuhan Nasrul Haq - Anugerah Budayawan Gapena	
Bab10	LINGKUNG RUMPUN MELAYU	140
	- Memorandum Pemuda MCA - Kontroversi Tokoh Belia - Impian Dunia Melayu	
Bab 11	KESINAMBUNGAN PERJUANGAN	156
	- Telegram Seluruh Negara - Selepas Tidak Jadi Menteri - Kembali Menjadi Penulis	
Bab 12	GEMUK BERPUPUK SEGAR BERSIRAM	172
	- Bertemu Shamsiah Fakeh - Langkah Sama Menapak - Gerila Melayu Di Negeri Sembilan	

Bab 13	DI BUMI MERDEKA	188
	- Pengerusi Bank Pembangunan - Pengerusi Kraftangan Malaysia - Sensitif Seorang Penulis - Pengerusi Finas	
Bab 14	ASAM GARAM PERJUANGAN	204
	- Mencari Ganti Menteri Besar - Senario Pilihanraya 1982 - Titah Ucapan Tuanku	
Bab 15	NAN SEBARIS TIDAK LUPA	222
	- Antara Jejak Ditinggalkan - Dilipat Sebesar Kuku - Senario Alaf Baru	

Lingkung Rumpun Melayu



"BALIK untuk mencari baka, kerana asal baka saya dari Minangkabau, jadi ke Sumatera Barat memang nak cari baka Melayu," beritahu Abdul Aziz Ishak bekas Menteri Pertanian dan Kerjasama yang ditemui oleh Tan Sri A Samad di lapangan terbang dalam perjalanannya ke Sumatera Barat melalui Medan. Ketika itu baru beliau menyedari rupa-rupanya Aziz Ishak berasal dari Minangkabau, kerana sebelumnya Tan Sri A Samad tidaklah kenal sangat dengan bekas menteri berkenaan.

Semasa Aziz Ishak menjadi anggota kabinet pertama Tunku selepas pilihanraya 1955, Tan Sri A Samad hanya pemimpin peringkat negeri sahaja di Negeri Sembilan. Kalau bertemu pun hanya ketika Mesyuarat Perwakilan Umno, justeru hubungan mereka tidaklah akrab sangat. Di samping itu Aziz Ishak juga bukanlah pejuang asal Umno, kerana beliau merupakan pejuang politik kiri dengan memimpin Gerakan Angkatan Muda (GERAM). Aziz juga seorang wartawan yang kuat mengkritik kerajaan Inggeris hingga digelar oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Gerald Temper sebagai 'wartawan tikus'.

Dalam pergolakan kepimpinan Umno tahun 1963, Aziz Ishak meninggalkan parti dengan menubuhkan Parti Perhimpunan Kebangsaan. Dalam pilihanraya 1964, Aziz Ishak terpaksa membawa partinya bergabung dengan Sosialis Front (SF) pimpinan Ahmad Boestamam bagi menentang Umno. Bagaimanapun beliau tewas kepada calon Umno bagi kawasan Parlimen Kuala Langat dan kawasan DUN Morib di Selangor. Berikutan dengan senario politik yang tegang ketika konfrantasi Indonesia, Aziz Ishak ikut ditahan di bawah ISA.

Justeru hubungan Tan Sri A Samad dengan Aziz Ishak memang tidak akrab, sebaliknya ketika bertemu di lapangan terbang itu beliau tetap menegur sapa dengan mesra. Apa lagi ketika sama-sama bercakap mengenai keturunan mereka berasal dari rumpun yang sama di Minangkabau. Ketika itu Aziz Ishak memberitahu beliau mahu menulis

buku yang berkaitan dengan rumpun Minangkabau, sebagai lingkungan bangsa Melayu yang mempunyai warisan kebudayaan dan sejarahnya bagaikan *'air dicincang tak akan putus'*.

Latar belakangnya yang tebal dengan rumpun Melayu inilah menyebabkan Tan Sri A Samad tidak mempunyai batas pemisah menjalin hubungan dengan pemimpin-pemimpin politik Melayu di kalangan pembangkang. Beliau mempunyai hubungan baik dengan pemimpin-pemimpin Pas dan SF di peringkat negeri di Negeri Sembilan, sekali pun ianya mempunyai intrigue politik. Malah ketika beliau masih lagi seorang menteri kabinet, Dato' Ahmad Boestamam sendiri terkejut apabila mendengar ucapannya sempena Hari Sastera di Ipoh dalam bulan April 1980.

"Aku ni sedang mendengar ucapan menteri Umno atau pemimpin PKMM?" tutur Dato' Ahmad Boestamam (Pak Boes) ketika penulis menghampirinya. (PKMM - ialah Parti Kebangsaan Melayu Malaya). Segera Pak Boes menuduh penulis yang menyediakan teks ucapan tersebut. Penulis menafikan teks ucapan tersebut disediakan oleh penulis, tetapi sekadar membuat suntingan sahaja berdasarkan deraf yang beliau sendiri sediakan. Maknanya isi teks ucapan tersebut memang disediakan oleh Tan Sri A Samad sendiri, sementara penulis hanya menyunting jalan bahasa serta menitipkan pepatah petiti yang sesuai.

Sebaliknya Pak Boes masih tidak mempercayai penjelasan penulis, di samping mengingatkan, "Aku rasa kerana teks ucapan yang kau buat tu, nanti Dato' Samad diberi *warning* oleh PM. Memang aku dengar ucapan tu tak ikut dasar Umno, kenapa kau susahkan Dato' Samad, dia tu menteri yang baik," ujar Pak Boes secara bergurau. Sepanjang penulis mengenali Pak Boes, beliau juga mengakui berketurunan Minangkabau, malah Pak Boes masih lancar bertutur dalam dialek Minangkabau.

Penulis mengenali Pak Boes sejak 1978 lagi, tetapi ketika bertemu dengannya di Ipoh dalam tahun 1980 itu beliau mengalami masalah penglihatan. Sekali pun penglihatan Pak Boes agak kabur, tetapi beliau cam dengan suara saya. Berkali-kali beliau mengusik dengan menganggap penulis bertanggungjawab sekiranya Tan Sri A Samad tidak disenangi oleh PM berdasarkan ucapannya seolah-olah pro pembangkang. Apabila penulis beritahu Tan Sri A Samad mengenai pandangan Pak Boes itu, beliau sekadar tersenyum sahaja.

Ucapan Tan Sri A Samad sempena Hari Sastera di Ipoh itu dilaporkan oleh wartawan Siti Bidayah Ahmad dalam Berita Minggu bertarikh 27 April 1980 dengan menulis:

"Hanya bangsa yang besar saja dapat memelihara kebudayaannya, kerana itulah satu-satunya maruah yang harus dipertahankan. Di lubuk hatinya membuat kecintaan itu, cinta yang dipupuk sejak dia mula mengenal erti hidup. Itulah sumpah setianya. Baru-baru ini penuh keyakinan bersandarkan harapan yang tidak mudah dipatah-patah rintangan, lidahnya sekali lagi lantang mengulangi janji dan sumpah setia mendaulatkan budaya.

"Bagi Dato' Abdul Samad Idris, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, yang dianugerahkan penghargaan tertinggi GAPENA -Anugerah Budaya 1980 -kerana ketokohnya memperjuangkan budaya bangsa, janji bicara itu akan diteruskan perjuangannya. Ia tidak akan kenal erti puas sebelum melihat budaya Melayu terjelma sebagai budaya nasional Nusantara.

"Anak desa pewaris budaya bangsa ini dalam ucapan terima kasihnya kerana penghargaan itu terus-terusan meniupkan semangat setiap orang yang cintakan budaya tidak menamatkan perjuangan yang dimulakan tokoh-tokoh sebelumnya. Baginya, bangsa Melayu bukan bangsa kerdil di dunia - ia tersebar luas dan bertaburan daerahnya dari Madagascara di Lautan Hindi di barat hinggalah ke Lautan Teduh (Pacific Ocean) di timur.

"Tidak ada batas dan tidak ada sempadannya. Bangsa Melayu ini adalah dari satu rumpun. Diketahui semua kekuatan dan kekejaman penjajah yang meracik-racikkan bangsa Melayu, hingga ia dibawa arus gelombang sejarah. 'Sekarang telah tiba masanya pecahan dan kecaian itu ditautkan kembali dalam satu keluarga besar - keluarga rumpun Melayu di dunia,' nekad seruannya bersemangat. Itulah pokok utama ucapannya dengan susunan rangkai bicara penuh seni - gambaran jiwa anak bangsa yang diasuh mengenali budaya bernilai mulia.

"Budaya, bagi Dato' Samad, yang memang diakur semua, tidak hanya tari menari atau cabang-cabang kesenian lain sahaja, tetapi merangkumi pemikiran, ilmu dan spritual bangsa. Sebenarnya pengisytiharan dan konsep inilah yang terus-terusan mesti dijiwai, supaya perjuangan anak bangsa akan selaras dengan aspirasi mendaulatkannya hingga ia benar-benar boleh

dimanfaat sebagai landasan hidup yang menjamin. Dari apa segi sekali pun, budaya itu perlulah dapat dijadikan landasan hidup bermaruah.

"Di peringkat kementeriannya, Dato' Samad telah mengorak langkah penuh kepastian ke arah ini - antaranya Panggung Negara yang tidak lama lagi akan dibina akan diistilahkan 'Istana Budaya', supaya sesuai dengan tradisi di zaman bahari: Budaya dan ilmu berpusat di istana. Status pemikiran budaya dan ilmu baginya, perlu diletakkan di taraf paling tinggi dan dimuliakan masyarakat.

"Di sini beliau menyeru budawayan, sasterawan dan bangsa Melayu seluruhnya memikul bersama tanggungjawab memelihara kebudayaan Melayu. Pemeliharaan ini sudah menjadi peraturan masyarakat - 'jika dianjak ia layu, dicabut mati, gemuk berpupuk, segar bersiram, berjenjang naik bertangga turun; turun dari langit ditampungkan, memancut di bumi dipijakkan, kalau hilang dicari jejaknya, kalau mati dicari kuburnya. Mati anak gempar serumah, mati kebudayaan gempar seluruh bangsa'.

"Sebagai manusia Dato' Samad sedar datangnya ke dunia sementara menanti saat dipanggil pulang, tetapi sumpahnya masih belum tercapai sepenuh pinta. Selagi darah merahnya masih mengalir, selagi jantungnya masih berdenyut, selagi udara masih disedut, selagi itulah dia meneruskan perjuangannya menurut keupayaan dan kudrat kurniaan Allah. Jika impian tidak menjadi kenyataan dan saya tidak berkesempatan mencapai hasrat ini, kepada generasi muda saya berseru agar meneruskan usaha ini, 'nadanya menyerah, tetapi dia penuh harapan budaya bangsa dan bumi Nusantara diserahkan ke tangan yang berwibawa.

"Mungkin dia tidak segagah tokoh-tokoh pejuang bangsa dan kemerdekaan seperti Dato' onn Jaafar, Dr Burhanuddin al-Helmy atau Jose Rizal dari Filipina, tetapi semangatnya dan langkah diatur memenuhi impian itu sudah diuji. Kepada anak-anak muda Melayu yang masih bertenaga wira diletakkan penerusan hingga tercapai cita-cita murni ini. Tahap kita sekarang bukan lagi tahap cita-cita idealisma romantika, katanya tegas, tetapi tahap pelaksanaan dinamik dan dialektika. Kebudayaan yang didukung oleh bangsa dan bahasa Melayu itulah saja satu-satunya budaya nasional rantau ini."

Memorandum Pemuda MCA

Selepas berlangsung simposium ekonomi Pemuda Umno Wilayah Persekutuan dalam tahun 1980, penulis diberitahu oleh Drs Suleiman (Datuk Seri Dr Suleiman Mohamed, kini Timbalan Menteri Kesihatan) ketika itu Setiausaha Akhbar Tan Sri A Samad, mengenai kemarahan Pemuda MCA yang dipimpin Datuk Lee Kim Sai (ketika itu Exco kerajaan negeri Selangor) apabila dibangkitkan isu tokoh yang membuka Kuala Lumpur. Dalam teks ucapan Tan Sri A Samad dirumuskan Raja Abdullah sebagai tokoh yang membuka Kuala Lumpur tahun 1859, dan bukannya Yap Ah Loy.

Pemuda MCA dikatakan kecewa dengan teks ucapan Tan Sri A Samad, malah Lee Kim Sai bersedia menunjukkan dokumen sah mengenai peranan Yap Ah Loy sebagai tokoh yang membuka Kuala Lumpur. Drs Suleiman juga memberitahu penulis, Pemuda MCA sudah menghantar memorandum bantahan kepada (Tun) Hussein Onn (Perdana Menteri) berkaitan dengan teks ucapan Tan Sri A Samad. Sebenarnya tidak timbul Tan Sri A Samad berniat jahat menimbulkan isu Raja Abdullah sebagai pembuka Kuala Lumpur dan bukannya Yap Ah Loy.

Beliau hanya menimbulkan fakta sebenar mengenai orang Melayu sejak turun temurun sudah terbabat dalam bidang ekonomi, tetapi semangat mereka sebagai ahli perniagaan dipatahkan oleh diplomasi penjajah Inggeris. Raja Abdullah yang disebut Tan Sri A Samad sebagai pembuka Kuala Lumpur adalah jelas dalam fakta sejarah, apabila tokoh itu mudik Sungai Kelang hingga menemui cabang tiga (sekarang berhampiran Masjid Jamek Kuala Lumpur), sebelum membuka lombong bijih di Ampang. Di situ Raja Abdullah menemui Sutan Puasa peniaga Minangkabau yang membuka kedai nasi di tebing sungai itu (sekarang dikenali Jalan Melayu).

Maksud yang tersirat di dalam teks ucapan beliau menunjukkan orang Melayu sudah dikenali sebagai peniaga sejak sebelum kedatangan Inggeris. Tetapi sikap mereka berubah selepas kedatangan Inggeris dengan berebut-rebut untuk 'makan gaji' sekali pun berkhidmat sebagai tukang pangkah (iaitu penarik kipas sebagai alat mendinginkan badan di bilik pejabat orang Inggeris, kerana ketika itu belum wujud lagi alat pendingin hawa - *air condition*). Yap Ah Loy pula adalah pekerja lombong di Lukut, Negeri Sembilan kemudian dibawa oleh Sutan Puasa bekerja di lombong Raja Abdullah di Ampang.

Fakta sejarah ini jelas menunjukkan Yap Ah Loy bukanlah tokoh yang membuka Kuala Lumpur, malah kedudukannya sebagai Kapitan Cina yang ketiga juga membuktikan peranan tokoh berkenaan tidaklah sama dengan Raja Abdullah dan Sutan Puasa. Bantahan yang dibuat oleh Pemuda MCA itu jelas bermotifkan politik, bukan berasaskan fakta sejarah yang sebenar. Malah sekitar 1980 itu Tan Sri A Samad berhadapan dengan banyak isu yang kontroversi, di samping mencabar kedudukannya sebagai seorang menteri kabinet. Bukan sahaja dari kalangan parti kompenan BN, sebaliknya beliau juga menerima tekanan dari pihak pembangkang.

Sebelum ini sudah disebut mengenai peranan beliau dalam gerakan Persaudaraan Nasrul Haq Malaysia (Nasrul Haq) yang menggalakkan pembelajaran ilmu jurus. Pas menggunakan isu tersebut dengan melabelkan beliau sebagai membawa ajaran sesat bagi menjejaskan kedudukannya selaku menteri kabinet. Dalam masa yang sama DAP pula menyampaikan satu writ bagi mengheret beliau ke mahkamah atas tuduhan menafikan hak ahli-ahli DAP Melayu sebagai seorang Melayu. Writ berkenaan disampaikan atas nama Ibrahim bin Singgeh seorang ahli DAP di Perak yang dikatakan tersinggung dengan ucapan Tan Sri A Samad seolah-olah menafikan status Melayu kepadanya.

Sekali pun writ saman berkenaan bermotifkan politik, tetapi ianya menjejaskan Tan Sri A Samad sebagai anggota kabinet. Sebenarnya ucapan beliau di Jelebu itu sudah disalah tafsirkan oleh pemberita apabila menyentuh peranan orang Melayu di dalam DAP seolah-olah menolak kepimpinan Melayu dan Umno. Kontroversi ke atas Tan Sri A Samad masih berterusan apabila di Parlimen dalam satu sesi soal jawab ketika persidangan berlangsung, tidak seorang pun wakil daripada kementerian sama ada timbalan menteri atau setiausaha parlimen bangun menjawab soalan dari ahli Parlimen.

Kebetulan ketika itu Tan Sri A Samad tidak berada di dalam Dewan, sepatutnya salah seorang daripada timbalan menteri atau setiausaha parlimen mewakili beliau. Mujurlah salah seorang menteri kabinet bangun menjawabkan soalan tersebut bagi pihak beliau sebagai 'bidan terjun' sahaja. Pernah juga seorang anggota Parlimen DAP meminta beliau keluar Dewan apabila Tan Sri A Samad mencelah ucapannya ketika perbahasan di Dewan Rakyat, yang menunjukkan sikap biadapnya setelah tidak mampu berhujah dengan beliau.

Semua kontroversi yang membabitkan Tan Sri A Samad sepanjang 1980 itu membawa kepada pengunduran beliau daripada kabinet dalam bulan Oktober tahun berkenaan. Dalam rombongan kabinet ketika itu beliau bersama Tan Sri Hamzah bin Abu Samah (Menteri Perdagangan dan Industri) dan Tan Sri Abdul Kadir Yusuff (Menteri Kemajuan Tanah) telah digugurkan. Bagaimana pun semasa kontroversi terhadap dirinya memuncak penulis pernah bertanya kepadanya sama ada teks ucapan beliau menyebabkan perkara tersebut menjejaskan kedudukannya.

Sebaliknya Tan Sri A Samad menjawab spontan, “Saya dah nak pencen, saya tidak peduli apa pendapat mereka terhadap teks ucapan saya, kalau saya fikir perkara itu benar, saya akan terus berucap”. Penghujung tahun 1979 misalnya, Tan Sri A Samad pernah menyampaikan ucapan pada seminar anjuran Pemuda Umno dengan topiknya ‘Nasionalisma dan Dilema Politik Melayu - dari perspektif sejarah dan permasalahan masa depannya’. Teks berkenaan adalah hasil pemikiran beliau yang dibantu oleh penulis dan Drs Suleiman. Di bawah ini diperturunkan sebahagian daripada teks ucapan tersebut:

“Sebelum penjajah Inggeris menekan, orang-orang Melayu merupakan pengusaha-pengusaha lombong bijih terkemuka. Di Lukut, Negeri Sembilan, Raja Jumaat membuka lombong bijihnya dalam tahun 1836. Ini diikuti oleh Raja Abdullah di Selangor dengan lombong bijihnya di Ampang tahun 1859. Pekerja-pekerja lombong ini terdiri daripada orang-orang Melayu di bawah pimpinan Sutan Puasa yang telah menjalankan perniagaan di Kuala Lumpur.

“Ini membuktikan bahawa orang-orang Melayu merupakan bangsa usahawan sebelum ditindas oleh penjajah Inggeris. Tetapi, apabila kadar penduduk di Tanah Melayu semakin cepat dengan penghijrahan kaum asing dan polisi ‘pintu terbuka’ Inggeris ini, nilai hidup orang-orang Melayu terus ditimpa kecelakaan yang amat menyayat.

“Semangat nasionalisma orang-orang Melayu tidak dapat bergerak untuk menentang Inggeris. Misalnya huru hara di Larut, Perak dalam tahun 1861 akibat kekacauan yang ditimbulkan oleh kumpulan kongsi gelap orang-orang Cina dari puak Hai San dan Ghee Hin telah dijadikan alasan oleh Inggeris untuk

campur tangan dalam pemerintahan di Perak. Inggeris meletakkan kesalahan kepada pembesar-pembesar di Perak dengan mendakwa perusahaan lombong mereka mengalami kerugian akibat kekacauan tersebut. Atas sebab-sebab inilah Andrew Clark memaksa Raja Abdullah menandatangani 'Perjanjian Pangkor' dalam tahun 1874.

"Orang-orang Cina ini disebabkan rajin berusaha di samping mendapat kemudahan-kemudahan dari Inggeris, telah mencapai taraf hidup yang baik akhirnya. Jumlah penduduk juga bertambah hampir sama banyak dengan penduduk bumiputera. Di antara tahun 1881 - 1901 dianggarkan kira-kira dua juta orang Cina telah masuk ke negara ini.

"Dalam tahun 1901 kadar penduduk di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu hampir sama banyak antara orang Melayu dan orang Cina. Orang-orang Cina sahaja seramai 301,463 sementara orang-orang Melayu pula seramai 313,205. Dengan ini mereka telah membentuk masyarakat sendiri, persatuan-persatuan dan kongsi-kongsi gelap. Manakala penjajah Inggeris pula membenarkan orang-orang Cina mendirikan sekolah-sekolah mereka sendiri dalam usaha memperkukuhkan kebudayaan dan pendidikan yang mereka pesakai dari Tanah Besar China.

"Hasil daripada kekayaan yang diperolehinya di negeri-negeri Melayu ini, di samping terbentuknya masyarakat mereka melalui persatuan-persatuan yang dibentuk, maka mereka ternyata terasing dari keadaan politik yang berlaku di Tanah Besar China. Bagaimana pun mereka tetap memuja kejayaan Dr Sun Yat Sen menumbangkan Dinasti Mincu lalu membentuk republik.

"Dengan kematian Dr Sun Yat Sen pada 30 Mei 1925, perjuangannya diteruskan pula oleh Jeneral Chiang Kai Syek. Akibat dari gerakan politik di Tanah Besar itu menyemarakkan semangat mereka di sini hingga begitu meluap-luap. Selain daripada kedatangan orang-orang Cina, penjajah Inggeris juga membawa masuk orang-orang India untuk bekerja di ladang-ladang getah mereka sebagai kuli dan buruh kasar.

"Sebahagiannya pula menjadi pegawai-pegawai kerajaan di mana mereka ini mempunyai pengalaman dalam bidang-bidang tertentu sebelum dibawa masuk ke sini. Mereka ini kebanyakannya ditempatkan di dalam Jabatan Keretapi dan Jabatan Kerja Raya.

Boleh dikatakan sebahagian besar kakitangan Jabatan Keretapi dan Jabatan Kerja Raya sebelum perang dipenuhi oleh orang-orang India. Di samping itu ada juga orang-orang India Islam membuka perniagaan seperti kedai makanan dan kedai kain.

“Masalah sosial di India juga membolehkan Inggeris mendapat tenaga buruh dari sana. Ramai orang-orang India ke Afrika dan lain-lain negara jajahan untuk dijadikan buruh. Pada tahun 1865 jumlah buruh India dianggarkan 14,000 orang di Pulau Pinang dan Province Wellesly (Seberang Perai). Sementara itu 1,200 orang lagi dianggarkan terdapat di Melaka. Penghijrahan ini menyebabkan kadar pertambahan penduduk Tanah Melayu semakin cepat terutama di pantai baratnya. Kalau dalam tahun 1900 dianggarkan 3 juta, tetapi bertambah hingga 4 1/2 juta dalam tahun 1921.

“Akibat dari dasar pelajaran (sebenarnya tidak ada dasar khusus, sebaliknya akibat dari sistem pelajaran terbuka yang diberikan oleh masyarakat Cina kepada anak-anak mereka) menyebabkan generasi mereka terlalu taat setia terhadap cara hidup, adat resam dan keseluruhan nilai kebudayaannya yang 100 peratus mempunyai nilai-nilai kecinaan. Pemikiran mereka akhirnya lebih mementingkan diri sendiri.

“Dengan pemikiran itu, di samping kekayaan yang melimpah-limpah hasil dari usaha mereka yang rajin, maka timbullah perasaan atau satu sikap tamak di jiwa mereka. Perasaan kebangsaan yang meluap-luap, lebih-lebih lagi sentiasa disebut atau dilaung-laungkan oleh pemimpin mereka di Tanah Besar China, terus berakar umbi di tengah-tengah generasi muda mereka.

“Hubungan antara orang-orang Cina di sini dengan di Tanah Besar China tidak pernah terputus, disebabkan pemimpin-pemimpin dari Tanah Besar China seperti Dr Sun Yat Sen pernah berkunjung ke Tanah Melayu. Manakala orang-orang Cina di sini pula sering balik ke sana, dan ada yang menghantar anak-anak mereka menuntut di universiti-universiti Tanah Besar China atau Taiwan.

“Dari semangat kebangsaan yang meluap-luap ini telah timbul keinginan mereka yang tidak kunjung padam untuk menjadikan Semenanjung Tanah Melayu ini sebahagian dari jajahan Negeri

China (jajahan yang ke 19). Mengikut sumber Victor Purcell dalam 'The Chinese In Modern Malaya' mereka telah mencurahkan bantuan kewangan berjumlah \$(RM)110,000.00 dalam tahun 1941 bagi mengisi Tabung Pertahanan Negeri China, sebagai sokongan mutlak kepada pejuang-pejuang di Tanah Besar China.

"Memang penjajah Inggeris sedar kegiatan gerakan kebangsaan orang-orang Cina ini, tetapi mereka tidak merasakan gerakan ini mengancam kepentingan mereka di Tanah Melayu. Matlamat Inggeris hanya untuk mempertahankan kedudukannya dan terus bertapak lebih lama serta memperkukuhkan monopoli ekonominya di Semenanjung Tanah Melayu. Mereka sudah mengkaji bahawa kepentingannya tidak akan terjejas dengan gerakan orang-orang Cina tersebut.

"Penjajah Inggeris juga menjalankan dasar pelajaran yang merugikan orang-orang Melayu. Sekolah-sekolah Melayu untuk anak-anak Melayu didirikan di luar-luar bandar sahaja, di mana pelajarannya diberi hingga setakat darjah lima. Sekolah-sekolah Inggeris didirikan di bandar-bandar hingga peringkat menengah. Bertolak dari sini peluang anak-anak Melayu belajar di sekolah-sekolah menengah Inggeris adalah amat terbatas..."

Kontroversi Tokoh Belia

Perkara yang menimbulkan kontroversi mengenai ucapan Tan Sri A Samad disebabkan ianya dibocorkan kepada pihak media. Teks ucapan tersebut sebenarnya adalah khusus bagi disampaikan pada seminar itu sahaja, bukan untuk disebarkan kepada umum melalui media. Justeru beliau dianggap sengaja mengapi-apikan perkauman, sekali pun tujuan sebenarnya mahu mendedahkan fakta sejarah yang sekian lama diputar belitkan oleh orientalis barat. Tetapi Tan Sri A Samad tidak berasa tertekan dengan kontroversi demikian, kerana yakin ucapan beliau adalah berdasarkan kepada kebenaran fakta.

Belum pun selesai dengan kontroversi ucapannya dalam seminar anjuran Pemuda Umno itu, Tan Sri A Samad sekali lagi berhadapan dengan kekecewaan Tun Hussein apabila kementeriannya bercadang memberikan 'Anugerah Tokoh Belia'. Ketika upacara tersebut masih diura-urakan, Encik Hashim Pendek (Allahyarham, bekas Penolong Pengarah Kebudayaan di Kementerian Kebudayaan



Tugas semakin berat apabila berpindah ke peringkat Pusat, selaku Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar.



Bergambar dengan seniwati Mariam, selepas mengadakan pertunjukan pentas di Kuala Pilah mengutip derma tabung Pemuda UMNO.

Belia dan Sukan) menghubungi penulis bagi membantu Encik Suffian Abdul Rahim (Dato', bekas Ketua Pengarah Belia di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan) menyediakan teks ucapan Tun Hussein bagi penyampaian anugerah berkenaan.

Anugerah Tokoh Belia yang diura-urakan itu sempena dengan 'Minggu Belia' yang dilaksanakan oleh kementerian bagi tahun 1980 itu. Kemuncak 'Minggu Belia' itulah disampaikan anugerah tersebut dengan teks ucapan Perdana Menteri disediakan oleh pihak kementerian melalui Ketua Pengarah Belia. Bagaimana pun tidak lama selepas itu Encik Hashim memberitahu teks ucapan tersebut tidak perlu disediakan, setelah Tun Hussein mengambil keputusan tidak mahu anugerah Tokoh Belia itu disampaikan, sebaliknya cukup dengan upacara penutup 'Minggu Belia' berkenaan.

Kemudiannya Encik Hashim memberitahu penulis berlaku salah faham mengenai anugerah tersebut menyebabkan Tun Hussein tidak senang dengan keputusan Tan Sri A Samad. Ura-ura penyampaian 'Tokoh Belia' itu, pihak panel sudah memilih Tun Sardon Jubir sebagai penerima anugerah utama kerana sumbangannya dalam gerakan pemuda terutama Pergerakan Pemuda Umno. Di samping Tun Sardon disenaraikan tujuh orang lagi pemimpin belia ketika itu yang dikira layak diberi pengiktirafan sebagai penerima anugerah iringan 'pemimpin belia'.

Antara tujuh orang pemimpin belia yang disenaraikan bagi menerima anugerah iringan bersama Tun Sardon, termasuklah Dato' Seri Anwar Ibrahim ketika itu Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), di samping Dato' Suhaimi Kamaruddin (Gerakan Belia 4B) dan Tan Sri Sanusi Junid (MAYC). Rupa-rupanya Tun Hussein tidak senang apabila pihak kementerian menyenaraikan nama Anwar, sementara Tan Sri A Samad merasakan peranan Anwar tidak boleh dinafikan dalam konteks gerakan belia.

Memang Tan Sri A Samad tidak membantah pegawai-pegawai kementeriannya yang menyenaraikan nama Anwar, setelah pihak panel penilai memberikan rumusan mengenai sumbangan setiap pemimpin belia. Malah beliau mempunyai pendirian tidak wajar tokoh yang tidak sehaluan dengan kerajaan dipinggirkan, atau dinafikan sumbangan mereka. Ketika itu ABIM dianggap pertubuhan belia yang kuat, justeru kementeriannya sentiasa prihatin dengan kritikan-kritikan badan belia itu terhadap dasar kerajaan.

Sekali pun Tan Sri A Samad merahsiakan perbalahan beliau dengan Tun Hussein mengenai isu anugerah tokoh beliau itu, tetapi pegawai-pegawainya mengakui sikap tegas Tan Sri A Samad mempertahankan keputusan kementerian, menyebabkan anugerah Tokoh Belia itu dibatalkan. Disebabkan beliau sentiasa menyembunyikan kontroversi seperti ini, tidak ramai orang yang mengetahui Tan Sri A Samad juga sanggup melawan ketuanya dalam isu-isu tertentu. Beliau lebih rela anugerah berkenaan dibatalkan daripada nama tokoh yang sudah disenaraikan ditarik balik pada saat-saat akhir.

Upacara penutup 'Minggu Belia' diadakan di Stadium Merdeka dihadiri oleh Tun Hussein dalam tahun 1980 itu, tetapi penyampaian anugerah 'Tokoh Belia' bersama tujuh orang pemimpin belia telah ditiadakan. Memang tidak ramai orang mengetahui mengenai dilema yang dihadapi oleh Tan Sri A Samad apabila secara berani menyenaraikan nama Anwar, sekali pun ketika itu Anwar merupakan pemimpin belia yang kontroversi. Sekali pun Tan Sri A Samad menyedari ketuanya tidak senang dengan kehadiran Anwar dalam kepimpinan belia, tetapi beliau berpegang kepada prinsipnya Anwar memang pemimpin ABIM.

Bagi pegawai-pegawainya pula menganggap Tan Sri A Samad bertindak demikian untuk mempertahankan mereka di kementerian. Pemilihan tersebut dilakukan oleh panel yang dilantik oleh pihak kementerian, malah Tan Sri A Samad sendiri tidak mengetahui nama Anwar ikut disenaraikan. Setelah keputusan itu dibuat secara kolektif oleh pihak kementerian, selaku menteri beliau terpaksa menerima tanggungjawab tersebut. Memang selepas peristiwa tersebut tidak pernah lagi didengar mengenai anugerah tokoh belia yang diiktiraf oleh kementerian.

Impian Dunia Melayu

Lonjakan dunia Melayu yang meluap dalam jiwanya tidak pernah kunjung padam, malah Tan Sri A Samad tidak jemu-jemu bercakap mengenai lingkungan rumpun Melayu seperti diucapkan ketika Hari Sastera di Ipoh. Beliau pernah mengikuti rombongan Gapena ke Afrika Selatan dan Sri Lanka bagi mencari susur galur rumpun Melayu di sana. Usaha yang dilakukan oleh Tan Sri A Samad ikut divideokan beliau menggunakan perbelanjaan sendiri, tetapi sekadar menjadi koleksi peribadi sahaja.

Sekali pun beliau sudah mengungkapkan mengenai dunia Melayu dalam tahun 1980 di Ipoh, tetapi bukan mudah mahu merealisasikan. Rumpun Melayu yang bertaburan itu tidak mempunyai pemerintahan yang sama, di mana mereka tertakluk di bawah peraturan undang-undang di negara masing-masing. Ketika di Afrika Selatan, Tan Sri A Samad mengenali kehidupan orang Melayu Cape Town yang masih mengamalkan ciri-ciri budaya Melayu warisan nenek moyang mereka. Apabila rombongan orang Melayu Cape Town berkunjung ke Kuala Lumpur, Tan Sri A Samad juga ikut sama meraikan mereka.

Malah negara-negara Asean sendiri merupakan rumpun Melayu, sebaliknya mereka berpecah setelah dijajah oleh penjajah barat. Justeru Tan Sri A Samad sentiasa membuat kajian apabila beliau melawat negara-negara Asean ini. Dalam tulisannya di *Mingguan Malaysia* 27 Disember 1987, Tan Sri A Samad menekankan negara Filipina adalah rumpun Melayu, tetapi sudah dibaratkan oleh Sepanyol dan Amerika Syarikat. Menerusi rencana tersebut beliau menulis:

"...Filipina, seperti yang kita ketahui adalah salah sebuah dari negara-negara rumpun Melayu yang besar di Asia Tenggara dan di Lautan Pasifik. Menurut tiga orang penulis sejarah Filipina yang terkenal Jose Marugo Anuguo, Regine Resam-Condez dan Orlando F Aquino mengakui hakikat dalam bukunya bertajuk 'The History of The Philippines' yang diterbitkan dalam tahun 1974.

"Sebelum kedatangan Magellan dari Sepanyol antara tahun 1519 - 1522, Filipina yang terdiri daripada lebih 7 ribu buah pulau itu belum dikenali dunia. Tokoh-tokoh sejarah ini mengakui bahawa penduduk-penduduk Filipina yang terawal adalah berasal dari tanah besar di Asia daripada rumpun Melayu Asli yang dipanggil 'Negrito'. Orang-orang Melayu yang lebih bertamadun dari kepulauan Melayu yang lain telah berhijrah ke Filipina antara 2,000 ke 5,000 tahun yang lalu.

"Seorang putera raja dari Johor yang bernama Raja Sulaiman didapati makamnya ada di kota Manila. Dalam soal bahasa pula agak jelas bahawa bahasa Tagalog adalah daripada rumpun bahasa Melayu. Tidak sedikit perkataan-perkataan dalam bahasa Tagalog yang sama sebutan dan maknanya dengan bahasa Melayu.

Ketika kali kedua saya melawat Manila dalam tahun 1960, saya berkesempatan bertemu dengan seorang profesor dari Universiti Philippines yang telah berjaya mengumpulkan 10,000 perkataan yang sama sebutan dan maknanya antara Tagalog dan Melayu, dengan berpandukan kamus R O Winstedt.

"Profesor ini menyatakan penyelidikannya belum selesai. Setelah penjajah Sepanyol berakhir, Amerika pula mengambil alih menurut Perjanjian Paris dalam 1898 hinggalah kemerdekaannya selepas perang. Sebelum itu orang-orang Filipina tidak berhenti-hentinya berjuang menentang penjajah Sepanyol dan juga Amerika terutama sekali orang-orang Islam dari Mindanao..."

Maknanya selepas bersara daripada aktif dalam kerajaan, Tan Sri A Samad masih meneruskan impian dunia Melayu dapat dicantumkan melalui ikatan kebudayaan yang tetap menjadi ciri nilai-nilai hidup mereka. Filipina yang sudah dibaratkan oleh penjajah, tidak dapat memisahkan mereka daripada kelompok budaya timur. Ketika berkunjung ke Mynmar sekitar tahun 1980-an, Tan Sri A Samad juga menulis di *Mingguan Malaysia*:

"...Dalam keadaan Burma yang boleh dianggap 'berdiri tak sama tinggi, duduk tak sama rendah dengan negara-negara sedang membangun di Asia, rakyatnya masih boleh berbangga, hanya puterabumi Burma sajalah satu-satunya anak Asia yang pernah dilantik menjadi Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu mendiang U Thant.

"Satu perkara yang menarik minat saya ke Burma bukan saja untuk melihat dari dekat suasana politik dan sosio-budaya rakyatnya, tetapi lebih mendorong minat saya untuk melihat secara dekat: Apakah orang-orang Burma mempunyai pertalian darah dari rumpun Melayu yang besar itu. Meskipun saya hanya beberapa hari saja di sana, dan terbatas cuma di kota Rangoon, namun sebanyak sedikit dapat juga saya amati tentang rupa paras penduduk serta seni budaya orang-orang Burma".

Keinginan beliau mencari rumpun Melayu, lebih besar skopnya daripada mencari baka seperti disebut oleh Aziz Ishak ketika bertemu

di lapangan terbang. Mungkin kerana keuzurannya Aziz Ishak tidak dapat menerbitkan bukunya mengenai mencari baka itu, sementara Tan Sri A Samad pula ternanti-nanti akan hasil tulisan bekas pemimpin Umno yang tersingkir kerana menentang arus itu.

Malah ketika Tan Sri A Samad membuat dokumentari 'Jejak Pejuang' untuk siaran TV, beliau sudah meminta penyelenggara penerbitannya merakamkan perjuangan Aziz Ishak sebagai tokoh yang rapat mendampingi Tunku sebelum merdeka. Sayangnya Aziz Ishak dalam keadaan uzur menyebabkan pihak penerbitan gagal merakamkan perjuangannya melalui siri 'Jejak Pejuang' itu, hinggalah beliau meninggal dunia.